

LEMBARAN PENDEDAHAN PRODUK (LPP)



Tarikh: 17/11/2025

Para Pelanggan,

Lembaran Pendekatan Produk (LPP) ini memberikan anda maklumat penting tentang program pembiayaan AFFIN Halal-i. Pelanggan lain telah membaca LPP ini dan mendapati ia membantu; anda harus membacanya juga.

Pembiayaan AFFIN Halal-i merupakan satu program pembiayaan yang ditawarkan kepada Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) yang memerlukan pembiayaan bagi modal kerja dan/atau perbelanjaan modal (CAPEX), serta kos latihan dan khidmat nasihat untuk mendapatkan pensijilan Halal bagi perniagaan mereka. Program pembiayaan ini dijamin oleh Syarikat Jaminan Pembiayaan Perniagaan (SJPP) sehingga 80% daripada jumlah pembiayaan.

Kemudahan Pembiayaan

Kemudahan pembiayaan yang distrukturkan di bawah program ini ditawarkan melalui produk sedia ada kami seperti berikut:-

- (a) Pembiayaan Berjangka-i
- (b) Kemudahan Aliran Tunai-i Tawarruq
- (c) Kemudahan Pusingan Kredit-i Tawarruq
- (d) Kemudahan Perdagangan Islamik

Konsep Syariah

Sila rujuk kepada LPP bagi setiap produk yang terdapat di AffinAlways.com.

2. KENALI KEWAJIBAN ANDA

Ilustrasi-

Pembiayaan Berjangka-i Tawarruq di bawah program Pembiayaan AFFIN Halal-i

Jumlah Pembiayaan Anda	:	RM	200,000.00
Ansuran Bulanan Anda	:	RM	2,486.14
Tempoh Pembiayaan	:	tahun	10
Kadar Keuntungan Siling (CPR)	:	setahun	12%
Kadar Asas Pembiayaan (KAS)	:		6.56%
Kadar Keuntungan Efektif (EPR)	:	BFR +	2.00%
Harga Jualan Bank (BSP)	:	RM	344,330.28
Keseluruhan Anda Akan Membayar 10 tahun	:	RM	298,336.36

Ansuran bulanan/ amaun penyelesaian mungkin meningkat sepanjang tempoh pembiayaan.
 • Kadar KPA mungkin meningkat disebabkan kenaikan OPR yang ditetapkan oleh Bank Negara Malaysia. Peningkatan KPA bermakna anda perlu membayar ansuran bulanan yang lebih tinggi.

	KAS hari ini 6.56%setahun.	Jika KPA meningkat 1.00%	Jika KPA meningkat 2.00%
Ansuran bulanan setahun 10 tahun (RM)	2,486.14	2,594.53	2,705.42
Jumlah Keuntungan Selama 10 tahun (RM)	98,336.36	111,343.09	124,650.83
Jumlah Pembiayaan Selama 10 tahun (RM)	298,336.36	311,343.09	324,650.83

Kemudahan Aliran Tunai-i Tawarruq Cashline-i di bawah program Pembiayaan AFFIN Halal-i :-

Had Kemudahan Anda	:	RM	1,000,000.00
Tempoh Pembiayaan	:		10
Kadar Keuntungan Siling (CPR)	:	setahun	12%
Kadar Asas Pembiayaan (KAS)	:	setahun	6.56%
Kadar Keuntungan Efektif (EPR)	:	BFR +	1.00%
Harga Jualan Bank (BSP)	:	RM	2,200,000.00
Jumlah Penggunaan	:	RM	100,000.00
Jumlah Keuntungan Bulanan (perlu dibayar)	:	RM	630.00
Keseluruhan anda akan membayar di hujung 10 tahun	:	RM	175,600.00

Ansuran bulanan/ amaun penyelesaian mungkin meningkat sepanjang tempoh pembiayaan.
 • Kadar KPA mungkin meningkat disebabkan kenaikan OPR yang ditetapkan oleh Bank Negara Malaysia. Peningkatan KPA bermakna anda perlu membayar ansuran bulanan yang lebih tinggi.

	KAS hari ini 6.56%setahun.	Jika KPA meningkat 1.00%	Jika KPA meningkat 2.00%
Ansuran bulanan selama 10 tahun (RM)	630.00	713.33	796.67
Jumlah Keuntungan selama 10 tahun (RM)	75,600.00	85,600.00	95,600.00
Jumlah Pembiayaan selama 10 tahun (RM)	175,600.00	185,600.00	195,600.00

Kemudahan Perdagangan Islamik/Kemudahan Pusingan Kredit-i Tawarruq di bawah program Pembiayaan AFFIN Halal-i. Sebagai contoh, Bil Penerimaan-i :-

Had Kemudahan Anda	:	RM	1,000,000.00
Penggunaan	:	RM	200,000.00
Tempoh Pembiayaan	:	hari	90
Kadar Keuntungan Efektif (EPR)	:	p.a.	6.56%
Total Keuntungan	:	RM	3,235.07
Bayaran Keseluruhan Pada Tarikh Matang	:	RM	203,235.07

Nota :
 Semua pengiraan dan maklumat adalah untuk tujuan ilustrasi sahaja. Ilustrasi tersebut mungkin tidak menggambarkan syarat atau keperluan spesifik bagi setiap kemudahan.

Adalah menjadi tanggungjawab anda untuk:



Baca dan fahami terma utama dalam kontrak sebelum anda menandatangani.



Bayar ansuran bulanan/jumlah penyelesaian anda tepat pada masanya dan sepenuhnya selaras dengan tempoh pembiayaan anda. Bicara dengan kami jika anda ingin menyelesaikan pembiayaan anda lebih awal.



Hubungi kami segera, jika anda tidak mampu membayar ansuran bulanan anda.

Anda juga perlu membayar fi dan caj berikut: -

Jenis Fi/Caj	Butiran Fi/Caj
Duti Setem	Seperti yang termaktub di dalam Akta Setem 1949 (Pindaan 1989) dan akan ditanggung oleh anda.
Fi Guaman	(a) Fi Guaman terhadap peguam cara untuk menyelesaikan Dokumen Sekuriti sebelum pelepasan kemudahan. (b) Fi Guaman terhadap peguam cara akan ditanggung oleh anda (jika ada).
Fi Jaminan	Fi jaminan adalah tertakluk kepada jaminan yang disediakan oleh Syarikat Jaminan Pembiayaan Perniagaan (SJPP) sehingga 1.00% setahun dan akan ditanggung oleh anda.
Fi Brokeraj – terpakai untuk produk Tawarruq dan Bay Al Dayn bi' Al Sila' sahaja.	RM 5.00 setiap RM 1,000,000 pada kadar pro-rata Bagi Pembiayaan Berjangka-i Tawarruq , Fi Brokeraj adalah seperti berikut:- = RM 200,000 / RM 1,000,000 X RM 5.00 = RM 1.00
Caj Ganti Rugi (Ta'widh) • Semasa tempoh Kemudahan • Selepas tempoh matang Kemudahan/Penghakiman	Ditanggung oleh Pelanggan 1% setahun atas ansuran tertunggak/baki tertunggak Pada kadar semasa semalaman harian Pasaran Wang Antara Bank Islam ke atas baki tertunggak.

Nota: Sila rujuk kepada Surat Tawaran Bank untuk sebarang yuran dan caj lain. Fi dan caj di atas adalah tertakluk kepada Cukai Jualan dan Perkhidmatan (jika berkenaan).

3. KENALI RISIKO ANDA





Apa yang berlaku jika anda gagal membayar bayaran bulanan/penyelesaian anda?

- Anda membayar lebih secara keseluruhan disebabkan oleh Caj Ganti Rugi ('Ta'widh').
- Bank boleh menolak wang daripada akaun semasa yang anda ada dengan kami untuk menolak selesai baki pembiayaan anda.
- Bank mungkin mencairkan sekuriti anda atau mengambil tindakan undang-undang terhadap anda.
- Skor kredit anda mungkin terjejas, menyebabkan kredit menjadi lebih sukar atau mahal untuk anda.

4. TERMA PENTING LAIN

- Kemudahan ini akan dikeluarkan secara sekaligus atau berperingkat bergantung kepada terma dan syarat pembiayaan yang telah diluluskan oleh Bank
- Sebarang cagaran/jaminan lain mungkin diperlukan berdasarkan kelulusan Bank sebelum Surat Tawaran (LO) dikeluarkan kepada anda.
- Bank tidak mengenakan tempoh terkunci bagi kemudahan pembiayaan dan tiada caj dikenakan untuk penyelesaian awal sebelum tempoh matang. Bank akan memberikan rebat (ibra') yang bersamaan dengan keuntungan tertangguh pada waktu penyelesaian.
- Adalah amat digalakkan untuk mengambil perlindungan Takaful dengan penyedia Takaful panel Bank dan menamakan Bank sebagai benefisiari. Walau bagaimanapun, anda bebas untuk menggunakan perkhidmatan mana-mana penyedia Takaful pilihan anda, yang menyediakan perlindungan mencukupi terhadap risiko seperti yang ditentukan dan dikehendaki oleh Bank. Sijil tersebut hendaklah dipindah milik kepada Bank sepanjang tempoh Kemudahan.
- Adalah penting untuk anda untuk memaklumkan kepada kami mengenai sebarang perubahan dalam maklumat anda bagi memastikan semua surat-menyurat sampai tepat pada masanya kepada anda.

Jika anda mempunyai sebarang soalan, memerlukan bantuan mengenai atau ingin membuat aduan mengenai pembiayaan AFFIN Halal-i, anda boleh:

 Hubungi Pusat Perhubungan AFFIN di 03-8230 2222 (Pertanyaan Am), tersedia setiap hari dari jam 8:00 pagi hingga 12:00 tengah malam, termasuk cuti umum.	 Imbas Kod QR di bawah untuk produk pembiayaan Bank:
 Lawati www.affinalways.com	
 Lengkapkan borang maklum balas dalam talian kami yang terdapat di laman web kami: www.affingroup.com/bm/affin-customer-care	

PENGAKUAN PELANGGAN *

Pastikan anda mengisi bahagian ini sendiri dan mengetahui tujuan anda meletakkan tandatangan anda.

Saya mengakui bahawa Affin Islamic Bank Berhad telah memberikan saya salinan LPP.

Saya telah membaca dan memahami maklumat penting yang terkandung dalam LPP ini.

* Pengakuan pelanggan terhadap LPP ini tidak akan menjejaskan haknya untuk mendapatkan ganti rugi sekiranya berlaku pertikaian selepasnya mengenai terma dan syarat produk.

Nama: _____

Tarikh: _____